



**PESURUHJAYA SUKAN MALAYSIA
*COMMISSIONER OF SPORTS MALAYSIA***

**SURAT PEKELILING PESURUHJAYA SUKAN BILANGAN 1 TAHUN 2023
PERTANDINGAN ACARA SUKAN**

TUJUAN

Surat Pekeliling ini dikeluarkan bagi menjelaskan pindaan kepada Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bilangan 4 Tahun 2022 Pertandingan Acara Sukan bertarikh 13 Disember 2022.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bilangan 4 Tahun 2022 Pertandingan Acara Sukan telah berkuat kuasa mulai 13 Disember 2022 (“Pekeliling”) bertujuan memberikan panduan dan rujukan mengenai pertandingan acara sukan di Malaysia.
3. Susulan sesi dialog awam Menteri Belia dan Sukan bersama ketua-ketua eksekutif dan pemain industri sukan Malaysia pada 31 Januari 2023 dan selaras dengan konsep Madani untuk menumpukan perhatian kepada penyelesaian masalah, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerusi Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS) telah mengambil maklum dan memastikan perkara yang telah dibangkitkan oleh

badan-badan sukan dan pihak industri dapat ditangani sebaiknya, tertakluk kepada perundangan sedia ada, seterusnya meneliti serta mengambil inisiatif untuk mempermudah proses melibatkan penganjuran acara sukan.

4. Dalam usaha merangsangkan dan menggalakkan aktiviti sukan di peringkat akar umbi seterusnya mencapai misi membudayakan sukan di kalangan rakyat, KBS menerusi Sidang Media Menteri Belia dan Sukan bertarikh 23 Mac 2023 telah mengumumkan perubahan-perubahan mengenai kelulusan penganjuran acara sukan.

5. Sidang media yang sama, KBS menyatakan komitmen dalam membantu membangunkan industri sukan dan menyokong usaha pihak industri sukan atau syarikat atau pengurus acara dalam merencanakan ekonomi negara berasaskan sukan, untuk itu KBS telah mengumumkan proses permohonan mendapatkan lesen dipermudahkan, termasuk fi lesen dikecualikan bagi tempoh berkuatkuasa 10 April 2023 sehingga 31 Disember 2025 dan permohonan lesen bagi acara sukan di Sabah dan Sarawak akan diproses oleh Pejabat Persuruhjaya Sukan Rantau berkenaan.

KELULUSAN PERTANDINGAN ACARA SUKAN

6. Selaras dengan pengumuman KBS pada 23 Mac 2023, beberapa perenggan Pekeliling ini dipinda menerusi Surat Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bilangan 1 Tahun 2023 Pertandingan Acara Sukan.

7. Perenggan 12 Pekeliling dipotong dan diganti dengan “Semua penganjuran acara sukan adalah tertakluk dengan peruntukan di bawah Akta 576.”

PERMOHONAN LESEN DAN KEBENARAN/ KELULUSAN

8. Perenggan 16 Pekeliling dipotong dan diganti dengan “Semua pertandingan acara sukan tempatan yang dianjurkan oleh badan sukan yang berdaftar di bawah Akta 576, pertubuhan dan badan bukan kerajaan (NGO) termasuk agensi-agensi kerajaan tidak perlu memohon kebenaran/kelulusan daripada Pesuruhjaya Sukan. Walau bagaimanapun badan sukan hendaklah memastikan bahawa semua pertandingan dan acara sukan yang dibenarkan, dijalankan atau disertai adalah mengikut kaedah dan garis panduan yang diiktiraf termasuk serta langkah kesihatan dan keselamatan bagi peserta, pegawai dan penonton di pertandingan atau acara itu, termasuklah mendapatkan perlindungan insuran. Manakala penganjuran oleh pertubuhan dan badan bukan kerajaan (NGO) termasuk agensi-agensi kerajaan hendaklah mendapatkan sanksi/kebenaran daripada badan pengelola yang mengawal selia suatu sukan dan mendapatkan perlindungan insuran bagi memastikan kepatuhan kepada aspek teknikal dan keselamatan semasa penganjuran.”

9. Perenggan 17 Pekeliling dipotong dan diganti dengan “Tempoh permohonan pertandingan di peringkat antarabangsa oleh badan sukan dan bukan badan sukan tidak kurang daripada 30 hari sebelum pertandingan dilaksanakan.”

10. Perenggan 18 Pekeliling dipotong dan diganti dengan “Permohonan oleh pihak syarikat adalah dalam tempoh tidak kurang 14 hari daripada tarikh penganjuran bagi peringkat tempatan, manakala bagi kejohanan atau pertandingan sukan antarabangsa tidak kurang daripada 30 hari sebelum pertandingan dilaksanakan.”

11. Perenggan 19 Pekeliling dipotong dan digantikan dengan “Fi lesen penganjuran bagi peringkat tempatan dan peringkat antarabangsa dikecualikan sehingga 31 Disember 2025.”.

12. Perenggan 21 (a), (b), (c), dan (d) Pekeliling dipotong dan diganti dengan perkara (a), (b), (c), (d) dan (e) berikut:

- (a) salinan sijil perakuan pendaftaran;
- (b) sanksi atau kebenaran badan pengelola suatu sukan itu mengikut suatu peringkat itu atau yang lebih tinggi bagi penganjuran tempatan, manakala sanksi atau kebenaran badan pengelola suatu sukan peringkat kebangsaan atau lebih tinggi bagi penganjuran antarabangsa;
- (c) perlindungan insuran bagi tujuan langkah kesihatan dan keselamatan suatu kejohanan atau pertandingan;
- (d) surat kelulusan Menteri (bagi pertandingan acara sukan antarabangsa); dan
- (e) apa-apa dokumen lain yang ditentukan oleh Pesuruhjaya (jika perlu).

13. Permohonan penganjuran acara sukan di negeri Sabah dan Sarawak akan diproses oleh Pejabat Pesuruhjaya Sukan Rantau masing-masing.

14. Adalah menjadi tanggungjawab penganjur untuk mendapatkan apa-apa kelulusan pihak berkuasa berkaitan. Selaras dengan pelaksanaan Kod Sukan Selamat dan tanggungjawab Malaysia sebagai penandatanganan kod anti doping dunia, pemohon lesen atau kebenaran/kelulusan penganjuran hendaklah membuat perakuan:

- (i) komitmen dalam pelaksanaan Kod Sukan Selamat; dan
- (ii) komitmen dengan pelaksanaan peraturan-peraturan anti doping.

TARIKH KUAT KUASA

15. Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bil. 4 Tahun 2022 Pertandingan Acara Sukan dan berkuat kuasa serta merta mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMAKAIAN

16. Tertakluk kepada penerimaannya, Surat Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada Pesuruhjaya Sukan Rantau Sabah dan Pesuruhjaya Sukan Rantau Sarawak.

17. Surat Pekeliling ini juga adalah terpakai kepada perkara-perkara berkaitan yang terkandung dalam Garis Panduan Pertandingan Acara Sukan Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bilangan 4 Tahun 2022.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(IBRAHIM BIN MOHD YUSOF)
Pesuruhjaya Sukan Malaysia

Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia
Kuala Lumpur

7 April 2023